

**Umno Kedah Harap Dana Bantu Syarikat Bas Henti-henti Disalurkan Segera
Bernama
21 Disember, 2011**

ALOR SETAR, 21 Dis (Bernama) -- Umno Kedah berharap dana RM400 juta untuk membantu syarikat bas henti-henti di seluruh negara dapat disalurkan segera bagi membolehkan perkhidmatan di beberapa laluan di negeri itu disambung kembali.

Sambil mengalu-lakukan pemberian dana itu, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kedah Datuk Paduka Ahmad Bashah Md Hanipah berkata tindakan segera kerajaan pusat tersebut membawa kelegaan kepada penduduk Kedah.

"Rakyat mengadu betapa susahnyanya kehidupan seharian mereka apabila bas tidak beroperasi, mereka yang hendak ke hospital sukar dan apabila sekolah dibuka bulan depan anak-anak menghadapi kesukaran berulang-alik ke sekolah.

"Diharap dana itu dapat disalurkan segera bagi memberi kemudahan pengangkutan kepada rakyat negeri ini," katanya dalam satu kenyataan, di sini hari ini.

Semalam Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dilapor mengumumkan dana berjumlah RM400 juta bagi membantu syarikat bas henti-henti yang sedang menghadapi masalah kewangan untuk meneruskan operasi mereka di seluruh negara.

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) yang bertanggungjawab menguruskan dana itu dijadual mengagihkan RM100 juta pada suku pertama 2012 bermula dengan pengendali bas henti-henti di Selangor.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=635544>